

NAMA: \_\_\_\_\_ KELAS: \_\_\_\_\_



**SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT KOTA, TAIPING**  
SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

**PERCUBAAN UPSR**

**2019**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**011**

**JULAI**

**1 ¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Soalan ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam kedua-dua bahagian ini.
3. Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan. Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian **hitamkan** jawapan yang baru.

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak di Bahagian A dan 6 halaman bercetak di Bahagian B

(Lihat halaman sebelah)  
**SULIT**

**BAHAGIAN A  
(20 MARKAH)**

**Soalan 1 hingga 16**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. Setelah sultan mangkat, maka takhta kerajaan negeri itu pun diserahkan kepada putera \_\_\_\_\_.

- A. baginda
- B. tuanku
- C. beta
- D. nya

**Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah**




**Gambar 1**

2. Di\_\_\_\_\_ pokok itu, tumbuh sekaki cendawan yang besar saiznya.

- A. penjuru

- B. hujung  
C. dasar  
D. pangkal
3. Tapak tangan Pak Hassan \_\_\_\_\_ selepas mencangkul tanah di kebunnya petang tadi.
- A. menggelupas  
B. menggerutu  
C. melecur  
D. melecet
4. Saya \_\_\_\_\_ menuntut di Universiti Putra Malaysia enam tahun yang lalu.
- A. mahu  
B. masih  
C. pernah  
D. sedang
5. Kerajaan menggalakkan penggunaan bahan yang \_\_\_\_\_ untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar.
- A. suci murni  
B. mesra alam  
C. mudah alih  
D. mesra pengguna
6. Tunku Abdul Rahman merupakan \_\_\_\_\_ ulung yang banyak berjasa kepada negara.
- A. negarawan  
B. usahawan  
C. sejarawan  
D. dermawan


**Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah**



**Gambar 2**

7. Di tepi tangga rumah nenek ada \_\_\_\_\_ tempayan yang digunakan untuk menadah air hujan.
- sebiji
  - sebuah
  - seketul
  - setongkol
8. \_\_\_\_\_ penonton akan dihiburkan dengan \_\_\_\_\_ persembahan daripada murid tahun satu.
- Ramai...sedikit
  - Para...beberapa
  - Kebanyakan ...para
  - Beberapa...sesetengah
9. Kemajuan dari segi material dengan kemajuan dari segi moral harus kita \_\_\_\_\_ untuk mewujudkan sebuah negara yang bertamadun.
- seimbang
  - diimbang
  - imbangi
  - imbangan
10. Bahagian \_\_\_\_\_ yang menyokong bumbung rumah itu telah patah akibat dihempap pokok kelapa.
- kekisi
  - tetupai
  - kekuda
  - tetambak

**Soalan 11** berdasarkan gambar di bawah.



**Gambar 3**

11. Radhi dan Zain mendayung perahu \_\_\_\_\_ arus bagi menyelamatkan diri daripada hanyut di kawasan jeram yang sangat curam.

- A. mengharung
- B. menyusur
- C. mengikut
- D. menongkah

12. Banjir besar yang \_\_\_\_\_ kampung itu menyebabkan kerugian yang ditanggung oleh penduduk amat besar.

- A. ditenggelami
- B. penenggelaman
- C. menenggelami
- D. menenggelamkan

13. Pilih ayat kata banyak makna yang betul.

- I Ahmad telah menerima bahagian pusakanya.
- II Saya hanya dapat bahagian kek itu.
- III Nenek Zaiton sering sakit pada bahagian kakinya.
- IV Kereta yang mengalami kemalangan itu rosak pada beberapa bahagian.

- A. I dan II
- B. II dan IV
- C. I,II dan III
- D. I,III dan IV

14. Pilih ayat yang sama maksud.

Cikgu Salim memberi kebenaran kepada Anis untuk ke kedai buku.

- A. Anis meminta kebenaran untuk pergi ke kedai buku.
- B. Anis mendapat kebenaran daripada Cikgu Salim untuk pergi ke kedai buku.

- C. Anis dan Cikgu Salim mendapat kebenaran untuk ke kedai buku.  
 D. Cikgu Salim mendapat kebenaran daripada Anis untuk ke kedai buku.
15. Ketika Azam ditimpah kesusahan, Husinlah yang sering menolongnya.  
 Pilih perkataan **sinonim** bagi kesusahan.
- A. padah
  - B. musibah
  - C. cabaran
  - D. kemalangan
16. **Pilih ayat yang betul.**
- A. Kedua-dua mangsa kebakaran itu ditempatkan di unit rawatan rapi.
  - B. Para-para pekerja memasukkan nanas ke dalam bakul.
  - C. Semua murid-murid dikehendaki menghantar laporan mereka segera.
  - D. Nenek mencabut pucuk ubi di belakang rumahnya.

### **Soalan 17 hingga 20**

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

#### **Gurindam Sifat Terpuji**

Jika kita murah senyuman,  
 Pasti kita senangi teman.

Jika kita suka membantu,  
 Nama baik disebut selalu.

Jika kita hormat-menghormati,  
 Hidup harmoni tentu diberkati.

Jika kita merendah diri,  
 Hidup bahagia berseri-seri.

Jika kita berbudi bahasa,  
 Diri dikasihi sepanjang masa.

Jika hidup selalu berbudi,  
 Dikenang orang sampai mati.

17 Apakah yang dimaksudkan dengan **murah senyuman?**

- A. Senyuman yang sentiasa terukir.
- B. Senyuman yang sengaja dibuat-buat.
- C. Senyuman boleh dibeli dengan harga murah.
- D. Senyuman yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

18. Berpandukan puisi di atas, apakah kesannya jika kita selalu membantu orang lain?

- A. Kita akan disenangi oleh rakan-rakan.
- B. Kita mendapat pujian orang sepanjang masa.
- C. Kita dapat meringankan beban orang lain.
- D. Kita dapat hidup dalam keadaan harmoni.

19. Bagaimanakah caranya untuk hidup dalam harmoni?

- A. Kita mestalah bersikap rendah diri.
- B. Kita hendaklah berbudi bahasa sepanjang masa.
- C. Kita sepatutnya menghormati orang lain.
- D. Kita hendaklah tegur-menegur antara satu sama lain.

20. Peribahasa yang sesuai dengan rangkap terakhir puisi di atas ialah...

- A. hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- B. diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
- C. hati gajah sama dilapah, hati nyamuk sama dicecah.
- D. harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

(20 markah)

NAMA:\_\_\_\_\_ KELAS:\_\_\_\_\_



**SEKOLAH KEBANGSAAN CONVENT  
KOTA, TAIPING  
SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI**

**PERCUBAAN UPSR  
2019**

**BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

**011**

**1 ¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

---

<b>Untuk Kegunaan Pemeriksa</b>		
<b>Kod Pemeriksa:</b>		
<b>No Soalan</b>	<b>Markah</b>	
21	(a)	
	(b)	
22	(a)	
	(b)	
23	(a)	
	(b)	
	(c)	
24	(a)	
	(b)	
	(c)	
	(d)	
25	(a)	
	(b)	
	(c)	
	(d)	

1. Tulis **nombor kad pengenalan** atau` Nombor sijil kelahiran dan **angka giliran** Kamu pada petak yang disediakan.

<b>Jumlah</b>	30
---------------	----

2. Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Serahkan **Bahagian B** ini bersama-sama borang Jawapan **objektif** kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak di Bahagian B  
(Lihat halaman sebelah)

**BAHAGIAN B**  
**(30 MARKAH)**

**Soalan 21**

(a) **Garisi** jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Siti (kehairanan, ketakutan, kegirangan) apabila namanya diumumkan sebagai pemenang utama cabutan bertuah.
- (ii) Hadi terpaksa (mengayuh, menuntun, menunggang) basikalnya yang rosak sewaktu pulang dari sekolah.
- (iii) Inilah kali pertama Murni (menghulurkan, menjakkan, memijakkan)

kakinya di Stadium Nasional Bukit Jalil.

(3 markah)


(b) Nyatakan **betul** atau **salah** bagi **kata penguat** berdasarkan ayat dibawah.

i) Budak kecil ini <b>amat</b> pintar betul.	
ii) Pesawat itu mendarat dengan laju <b>sekali</b> lalu terbabas di hujung landasan.	
iii) Pintar <b>sangat</b> Sang Monyet kerana berjaya menipu Sang Harimau yang garang itu.	

(3 markah)

## Soalan 22

(a) Tulis **ayat seruan** yang paling sesuai berdasarkan gambar yang diberi.




## Jawapan:

---

---

(2 markah)

(b) Bina **ayat tanya** berdasarkan gambar di bawah.



Jawapan:

---

---

(2 markah)

## **Soalan 23**

Baca jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan ayat yang lengkap.

**PERKHEMAHAN TAHUNAN PENGAKAP  
SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA MUDA**

Tarikh	2 – 5 Jun 2018
Tempat	Tapak perkhemahan Sekolah Kebangsaan Kuala Muda
Peserta tuan rumah	30 orang
Peserta Undangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persatuan Pengakap Sekolah Kebangsaan Jalan Budi (20 orang)</li> <li>• Persatuan Pengakap Sekolah Kebangsaan Batu Enam (20 orang)</li> <li>• Persatuan Pengakap Sekolah Kebangsaan Seri Alam (10 orang)</li> </ul>
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertandingan kemahiran membina dan menyelenggara khemah</li> <li>• Pertandingan kemahiran ikatan tali</li> <li>• Pertandingan kemahiran pandu arah</li> <li>• Persembahan bakat seni</li> <li>• Kembara malam</li> </ul>

(a) Jumlah keseluruhan peserta yang akan menyertai perkhemahan ini ialah

---

(1 markah)

(b) Amir mahir membaca kompas dan menentukan arah. Apakah aktiviti pertandingan yang sesuai untuk disertainya?

---

---

---

(2 markah)

- (c) Aktiviti perkhemahan seperti ini sangat digalakkan. Pada pendapat kamu apakah faedahnya kepada para peserta?

---

---

---

---

(3 markah)

**Soalan 24:**

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sekolah ialah tempat untuk belajar dan menimba ilmu pengetahuan. Kawasan sekolah yang kondusif akan mempengaruhi emosi murid untuk belajar. Sebagai murid kita seharusnya menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran sekolah. Setiap murid akan berasa selesa dan lebih bersemangat jika persekitaran bersih dan ceria.

Salah satu langkah untuk menceriakan kawasan sekolah adalah dengan mengadakan program gotong-royong. Aktiviti ini perlu melibatkan guru, kakitangan sekolah dan murid. Gotong-royong yang diadakan bertujuan untuk memastikan setiap warga sekolah dapat bekerjasama dan menjaga kebersihan sekolah. Selain memupuk kerjasama antara warga sekolah, kerja dapat disiapkan dengan cepat dan mudah.

Bagi tujuan keceriaan, aktiviti yang dapat dilakukan adalah seperti mengadakan taman bunga di sekolah. ‘Program Sekolah Ceria’ juga boleh diwujudkan seperti mengadakan aktiviti tanaman pokok bunga dan tumbuh-tumbuhan yang menghijau di kawasan sekolah. Hasilnya persekitaran sekolah yang lebih nyaman dan berudara segar boleh dinikmati oleh warga sekolah. Landskap sekolah juga patut dilengkapi dengan kolam ikan untuk menenangkan fikiran. Pondok bacaan pula perlu didirikan untuk memberikan keselesaan kepada murid untuk membaca.

- (a) Apakah kepentingan kawasan persekitaran sekolah yang cantik dan kondusif?

---

---

---

(2 markah)

- (b) Selain aktiviti gotong-royong, apakah aktiviti lain yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk tujuan keceriaan sekolah?

---

---

---

(2 markah)

- (c) Pada pendapat kamu, adakah sekolah yang ceria penting semasa kamu menuntut ilmu? Mengapa?

---

---

---

---

3 markah)

**Soalan 25**

Baca petikan pantun di bawah dan jawab soalan-soalan berikut.

Malam yang **suram** pasang pelita,  
Pelita dipasang di ruang tamu;  
Rebutlah peluang di depan mata,  
Saling berlumba menuntut ilmu.

Pisang emas dibawa belayar,  
Belayar menuju ke Bandar Sibu;  
Aktif bersukan dan tekun belajar;  
Menjadi kebanggaan ayah dan ibu.

Makan rambutan di kebun Che Embong,  
Buah yang putik jangan dipulas;  
Apabila berjaya janganlah sompong,

Bakti dicurah penuh ikhlas.

- (a) Apakah perkataan seerti dengan **suram** dalam pantun di atas ?

---

(1 markah)

- (b) Apakah maksud rangkap pertama di atas?


---

---

---

(2 markah)

- (c) Padangkan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan berikut.

Murid yang aktif tidak disukai.	
Biarkan peluang yang ada begitu sahaja.	
Kita mesti bersaing untuk mencari ilmu.	

BETUL
SALAH

(2 markah)

- (d)

Apabila berjaya janganlah sompong, Bakti dicurah penuh ikhlas.
---

Terangkan maksud baris-baris pantun di atas.

---

---

---

(2 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**